

Jangan salahkan SMART – Sammy Vellu

UM - 12/6/2003

Oleh HATA WAHARI

Saya percaya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang mengendalikan projek tersebut telah melakukan sebaik mungkin untuk mengelakkan kejadian banjir di ibu negara

S. SAMY VELLU
Menteri Kerja Raya

KUALA LUMPUR 11 Jun – Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu meminta orang ramai tidak menyalahkan Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan Raya (SMART) berikutan kegagalan mengatasi banjir besar di ibu negara malam semalam kerana terowong tersebut belum beroperasi sepenuhnya.

Samy Vellu memberitahu, pada masa ini hanya lebuh raya terowong sahaja yang beroperasi manakala terowong untuk mengalirkan air banjir belum dapat beroperasi.

“Saya percaya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang mengendalikan projek tersebut telah melakukan sebaik mungkin untuk mengelakkan kejadian banjir di ibu negara,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan khas dengan pegawai-pegawai kanan jabatan dan agensi di bawah Kementerian Kerja Raya di sini hari ini.

Samy Vellu diminta mengulas kejadian banjir di ibu negara yang disifatkan terburuk sejak 2003 apabila beberapa kawasan utama bandar raya ditenggelami air sehingga satu meter.

Antara kawasan yang paling teruk

dilanda banjir ialah Jalan Masjid India, Jalan Ipoh, Kampung Baru, Kampung Chubadak dan Sentul.

Dataran Merdeka yang meliputi kompleks bangunan Sultan Abdul Samad ditenggelami separas pinggang.

Tambah beliau, sekiranya banjir mahu diatasi sepenuhnya di ibu negara, kerajaan harus membelanjakan berbilion-bilion ringgit untuk membaiki sungai termasuk mendalamkan sungai hingga ke laut.

Samy Vellu yang juga Presiden MIC berkata, banjir malam semalam juga menyebabkan ibu pejabat parti itu mengalami kerosakan bernilai RM800,000 yang melibatkan sistem elektrik bangunan, lif, tempat meletak kereta dan dewan.

Terowong SMART yang membabitkan kos lebih RM2 bilion mula dibina sejak 2003 sepanjang 9.7 kilometer merupakan projek pertama di dunia yang mempunyai dwifungsi utama.

Peranan pertamanya untuk me-

ngalih air berlebihan ketika banjir kilat dari Sungai Klang dan Sungai Ampang untuk mengelakkannya memasuki pusat bandar raya.

Ia juga menjadi laluan alternatif bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas khususnya kepada pengguna jalan raya dari arah selatan menuju pusat bandar raya yang membabitkan laluan sepanjang

Laluan kereta sepanjang sepanjang empat kilometer itu menyambungkan ke Jalan Sultan Ismail, di hadapan Hotel Parkroyal dan satu lagi ke Jalan Tun Razak berhadapan Bangunan RHB Bank.

Terowong bawah tanah berukuran garis pusat 11.8 meter bermula dari Kampung Berembang dekat Hospital Gleneagles di Jalan Ampang di Kuala Sungai Ampang dan melalui di bawah beberapa bahagian bandar raya sebelum ia berakhir di kolam simpanan air di Taman Desa dekat Jalan Klang Lama.

Terowong pintar dekat Lapangan Sungai Besi kurangkan banjir kilat

KUALA LUMPUR 12 Jun – Projek pembinaan terowong pintar yang dimulakan sejak dua bulan lalu bersebelahan di Lapangan Terbang Sungai Besi dijangka dapat mengurangkan masalah kekerapan banjir kilat di ibu negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Mansor berkata, pembinaan terowong berkenaan mempunyai beberapa ciri istimewa yang antaranya berupaya mengalihkan aliran air deras keluar dari kawasan pusat bandar raya sekiranya berakunya hujan lebat berterusan.

“Ia dibina berdasarkan keupayaan mengalihkan aliran air deras pada bahagian hulu Kuala Lumpur,” katanya.

ngan yang dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), terowong ini dimulakan di Jalan Lapangan Terbang Lama dekat Lapangan Terbang Sungai Besi dan menghala secara selari dengan Lebuh Raya Sungai Besi ke arah Seremban sehinggalah sampai sebuah kolam di Taman Desa,” katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kemudahan pinjaman sindiket untuk projek pembangunan kawasan Pekeliling di sini hari ini.

masalah banjir kilat di Kuala Lumpur termasuk membina saluran bawah tanah bagi membolehkan air mengalir dengan cepat dari kawasan yang selalu dinaiki air ke sungai.

Perdana Menteri berkata, antara usaha tersebut ialah melalui pembinaan terowong pintar yang sudah dimulakan di Lapangan Terbang Sungai Besi.

Melencongkan

Menurut Tengku Adnan, pembinaan terowong pintar yang dikenali Stormwater Management And Road Tunnel (SMART) itu dilengka...

tak di kawasan lemb. Keadaan ini menyukarkan pihak berkuasa bertindak apabila berlaku hujan berterusan.

“Melalui penyediaan terowong pintar, ia dijangka akan melencongkan aliran air sedia ada ke sebuah kolam besar dan ini mengurangkan masalah banjir kilat,” katanya.

Selain projek pembinaan terowong pintar, Tengku Adnan memberitahu, kerajaan sedang mengkaji semula keadaan mendapan di semua sungai sekitar ibu negara sebagai langkah...

KERATAN Utusan Malaysia 13 Jun 2003.